

SURAT PANGGILAN PENDAFTARAN PELAJAR

Institut Pendidikan Guru
Kampus Batu Lintang, 93200 KUCHING

Ruj. Kami: IPGMKBL/HEP/144/604/1 Jld.8 (8)
Tarikh : 8 Januari 2010

Tuan/Puan,

TAWARAN UNTUK MENGIKUTI KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH SEKOLAH RENDAH (KPLI-SR) MODE SEPENUH MASA AMBILAN JANUARI 2010

Merujuk kepada perkara di atas, tahniah diucapkan kepada tuan/puan kerana ditawarkan untuk mengikuti kursus berkenaan.

2. Sehubungan dengan itu, tuan/puan dikehendaki melaporkan diri di institut ini sekiranya tuan/puan menerima tawaran tersebut seperti butiran yang berikut:

Tarikh : 18 JANUARI 2010
Jam : 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari
Tempat : Dewan Brooke

3. Bersama-sama ini disertakan dokumen dan maklumat yang berikut untuk tindakan tuan/puan selanjutnya:
- Kit Pendaftaran BOR-PPK-PT-07-01 hingga 07
 - Senarai Yuran/Bayaran Pendaftaran
 - Arahan kepada Pelajar Baharu
4. Tuan/puan diingatkan supaya melengkapkan borang perjanjian dan kit pendaftaran serta mengesahkan semua salinan dokumen dan membawa bersama-sama dokumen asal pada hari pendaftaran yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Ini adalah cetakan berkomputer, tandatangan tidak diperlukan)

Pengarah
Institut Pendidikan Guru
Kampus Batu Lintang
KUCHING

s.k.

1. Pengarah Pendidikan Guru
 2. Fail Timbul
-